

Antraks: PM gesa media berlaku adil dalam laporan

UM 2 2 OCT 2001

SHANGHAI 21 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa media massa berlaku adil dalam membuat laporan kerana pemaparan sesuatu isu yang belum disahkan hanya akan menjejaskan ekonomi dan perniagaan di sesebuah negara.

Sambil mengambil contoh kes kuman antraks apabila Malaysia didakwa menjadi negara pengekspornya, Perdana Menteri berkata, laporan seumpama itu akan menjejaskan ekonomi dan perniagaan.

“Tiada pelancong yang akan berkunjung ke Malaysia kecuali wartawan yang mahu melihat kuman tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini malam ini.

Dalam isu kes kuman antraks, katanya, surat yang didakwa mengandungi kuman itu kononnya dari Malaysia tetapi sebenarnya ia asalnya dikirim dari Amerika Syarikat (AS).

Walaupun sebelum disahkan benar terdapat kuman antraks pada surat itu, media telah membuat laporan menggambarkan Malaysia sebagai negara

mengeksport kuman itu. “Ini tidak adil. Oleh itu media tidak seharusnya melaporkan sesuatu yang belum disahkan kerana ia berpotensi menjejaskan ekonomi dan perniagaan,” katanya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, kini terdapat pula laporan yang menyebut Penerbangan Malaysia (MAS) menggunakan khidmat juruterbang dari Iraq.

Laporan seperti ini, katanya, akan memberikan gambaran MAS adalah syarikat penerbangan yang berbahaya.

“Apakah kita akan menafikan hak seseorang itu daripada menjadi juruterbang semata-mata kerana mereka berketurunan Iraq.

“Jika mereka berkebolehan, mengapa tidak menggunakan khidmat mereka sebagai juruterbang,” soalnya dalam sidang akhbar yang penuh sesak dengan wartawan asing.

Dr. Mahathir menambah beliau kesal dengan laporan seumpama itu kerana ia akan menimbulkan kesukaran kepada banyak pihak. — *Utusan*